# MESYUARAT PENGURUSAN InQKA (MPI)

**MINIT MESYUARAT PENGURUSAN InQKA (MPI) KE-40 BIL. 02/2019**

| | |
|---|---|
| Tarikh : 23 Januari 2019 (Rabu) | Tempat : Bilik Seminar AAGBS<br>Bangunan Akademik II<br>UiTM Shah Alam |
| Masa : 2.30 petang | |

**HADIR**

1. Prof. Dr. Hajah Roziah Mohd. Janor - Pengerusi
   Penolong Naib Canselor

2. Prof. Madya Rosslina Mohamed Nawi
   Pengarah Jabatan Web Media

3. Prof. Madya Dr. Ts. Nik Rosli Abdullah
   Pengarah Sistem Kualiti dan Kecemerlangan Operasi

4. Prof. Madya Dr. Azizah Abdullah
   Pengarah Jaminan Kualiti

5. Ir. Dr. Amirul Abd. Rashid
   Ketua Unit Pencapaian dan Penarafan

6. Dr. Nor Hanisah Mohd. Hashim
   Ketua Unit Inovasi dan Kreativiti

7. Encik Mohd. Yusof Mustafar
   Ketua Unit Media Sosial

8. Puan Siti Norul'Ain Mohd. Azizi
   Ketua Unit Pentadbiran

9. Dr. Hayati Abd. Rahman
   Pengerusi Kelab Kebajikan InQKA

10. Puan Noor Sazila Md Sarip
    Wakil Unit Komunikasi dan Pengembangan Ilmu

11. Puan Norlelawati binti Mohamad Adi - Pencatit Minit
    Setiausaha

**TIDAK HADIR DENGAN IZIN**

1. Dr. Rasidah Hamid
   Ketua Unit Komunikasi dan Pengembangan Ilmu

2. Puan Siti Nor Juhirniza Mior Mohd. Tahir
   ICT

| BIL. | PERKARA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| A. | **PENDAHULUAN**<br><br>Mesyuarat dimulakan dengan bacaan Al-Fatihah.<br><br>Pengerusi mengalu-alukan kedatangan hadirin ke mesyuarat pada petang ini. | |
| B. | **PENGESAHAN MINIT MESYUARAT YANG LEPAS**<br><br>Minit Mesyuarat MPI ke 39 Bil 1/2019. disahkan oleh Prof. Madya Rosslina Mohamed Nawi dan disokong oleh Puan Siti Norul'Ain. | |
| C | **Perkara berbangkit**<br>Unit Media Sosial<br>D3/3: Status pembelian peralatan untuk *Facebook Live* sedang dalam proses kemasukan ke dalam sistem e-Perolehan. | Pn Siti Norul'Ain |
| | Unit Penarafan<br>D5/1 : Hasil daripada Bengkel Jawatankuasa Kelestarian UiTM yang telah diadakan di Melaka akan dibentangkan di Mesyuarat Eksekutif Universiti. | Ir. Dr. Amirul |
| | Unit Pentadbiran<br>D6/1 : Unit Kewangan Zon 7 masih lagi menyemak tentang pembayaran sewaan komputer yang dikatakan belum diselesaikan untuk tahun 2014 dan 2017.<br><br>Pengerusi mohon dihantar surat rasmi kepada Unit Kewangan Zon 7 mengenai permohonan untuk menyemak bayaran tersebut. | Pn Siti Norul'Ain |
| | D7/7: Tarikh cadangan untuk Bengkel Perancangan Strategik 2020 adalah pada 14 hingga 16 Ogos 2019.<br><br>Pengerusi memohon supaya arragement dengan pihak hotel hendaklah dibuat mulai sekarang. | Pn. Siti Norul'Ain |
| D1 | **Jabatan Web Media**<br>Prof. Madya Rosslina melaporkan:<br><br>1. Memaklumkan bahawa permohonan untuk mengadakan Bengkel Penulisan Berita telah pun diluluskan oleh pihak ILD dengan tanggungan sepenuhnya daripada ILD. Namun tajuk | PM Rosslina |

| BIL. | PERKARA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | bengkel tersebut telah ditukar nama kepada Bengkel Penulisan Korporat oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa). Jabatan Web Media meminta pandangan mesyuarat sama ada untuk perlu untuk berjumpa dengan TNCA bagi menukar kembali tajuk bengkel tersebut kepada yang asal dan menerima tawaran ILD.<br><br>Pengerusi mensyorkan supaya menghubungi Hajah Hashimah, Ketua Timbalan Pendaftar HEA untuk meminta pandangan beliau mengenai perkara tersebut. | |
| D2 | **Unit Media Sosial**<br>Encik Mohd. Yusof melaporkan :<br><br>1. Beliau memohon supaya permohonan Pegawai Eksekutif untuk Unit Media Sosial yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Eksekutif Universiti pada 2018 dapat disegerakan kerana pengurusan aduan berada di tahap kritikal.<br><br>Mesyuarat meminta supaya Puan Siti Norul'Ain mengeluarkan surat permohonan kepada Pejabat Pendaftar.<br><br>Mesyuarat juga mencadangkan supaya dibuat laporan aduan dalam bentuk infografik dan Excel pada setiap bulan untuk disalurkan ke Mesyuarat Eksekutif Universiti. Unit Komunikasi boleh membantu dari segi rekaan infografik.<br><br>2. Isu berkenaan dengan jadual semester telah ditimbulkan oleh pelajar dalam media sosial. Pembantu Khas Naib Canselor memberi maklumat bahawa perkara tersebut akan dibawa ke Mesyuarat Senat.<br><br>Pengerusi memohon supaya ianya disalurkan kepada Bahagian Hal Ehwal Akademik untuk diambil tindakan. | Pn. Siti Norul'Ain<br><br>Unit Media Sosial / Unit Komunikasi<br><br>Makluman / Unit Media Sosial |
| D3 | **Unit Inovasi dan Kreativiti**<br>1. Cadangan Tawaran Pengendalian Program Kualiti bersama Uno Q Consult Enterprise.<br><br>Dr. Nor Hanisah memaklumkan bahawa Uno Q Consult Enterprise dimiliki oleh Encik Mohd Ehsan Amin, mantan Ketua Pakar Rujuk KIK dan beliau juga telah membangunkan KIK Horizon Baharu.<br><br>Encik Mohd. Ehsan telah membentangkan kepada mesyuarat mengenai tawaran Program Pengukuhan Pelaksanaan KIK UiTM 3.0 dan Program Pengoperasian OE.<br><br>Mesyuarat.....<br><br>2. Dr. Nor Hanisah membentangkan kertas kerja Bengkel Hak | Puan Siti |

| BIL. | PERKARA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | Cipta dan Harta Intelek UiTM 2019 yang akan diadakan pada 20 Februari 2019.<br><br>**Mesyuarat meluluskan permohonan untuk mengadakan bengkel tersebut dengan bajet sebanyak RM2,740.00.** | Norul'Ain |
| D4 | **Unit Penarafan**<br><br>1. Ir. Dr. Amirul membentangkan kertas kerja Bengkel Getting Published and Cited<br><br>**Mesyuarat meluluskan permohonan untuk mengadakan bengkel tersebut dengan bajet sebanyak RM29,500.00 yang menggunakan peruntukan Penarafan.**<br><br>2. Permohonan pembiayaan *Crossref* untuk langganan *Journal of Clinical and Health Sciences*, Jurnal daripada Fakulti Perubatan UiTM.<br><br>**Mesyuarat memutuskan supaya ianya disalurkan kepada pihak IRMI atau pun Pusat Perancangan Strategik.**<br><br>3. QS Ranking kekurangan undian daripada<br><br>4. Beliau memaklumkan bahawa Prof. Dr. Faridah akan melapor diri pada 2 Februari 2019 sebagai Resident Reviewer. | Unit Penarafan / Pn Siti Nurul'Ain<br><br>Pn Siti Nurul'Ain<br><br>Makluman |
| D5 | **Unit Pentadbiran dan ICT**<br><br>Pentadbiran<br><br>1. Puan Siti Norul'Ain membentangkan kertas kerja Latihan Penggunaan Turnitin bagi Penyelia pelajar pascasiswazah, Pensyarah FYP dan pensyarah yang belum menyertai latihan Turnitin sebelum ini pada 28 Januari 2019.<br><br>**Mesyuarat meluluskan permohonan untuk mengadakan latihan tersebut dengan bajet sebanyak RM1,125.00.**<br><br>2. Surat pelaksanaan pengurusan perkhidmatan ICT secara zon di UiTM Shah telah diterima dan ianya akan membabitkan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat InQKA.<br><br>Mesyuarat tidak bersetuju dengan cadangan tersebut dan mohon surat rasmi dihantar.<br><br>3. Mesyuarat bersama staf untuk pembahagian tugas sempena Konvensyen Panel Kualiti 2019 akan dibuat pada 24 Januari 2019. | Puan Siti Norul'Ain<br><br>Puan Siti Norul'Ain<br><br>Makluman dan telah selesai pada |

| BIL. | PERKARA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | ICT<br>Puan Siti Norul'Ain melaporkan :<br><br>1. Pembelian QS Analytic akan dilakukan secara rundingan terus. | 26 Februari 2019 |
| **D6** | **Unit Komunikasi dan Pengembangan Ilmu**<br>Puan Noor Sazila melaporkan :<br><br>1. *Template* untuk kertas kerja Mesyuarat Pengurusan InQKA telah pun diedarkan kepada staf InQKA.<br><br>2. Kertas kerja untuk Bengkel Terjemahan Visual untuk Media Sosial untuk 3 siri telah dibentangkan bagi kelulusan mesyuarat.<br><br>**Mesyuarat meluluskan permohonan untuk mengadakan bengkel tersebut dengan bajet sebanyak RM5,100.00.**<br><br>3. Cadangan *Sticker* Kempen untuk Kebersihan Tandas juga telah dibentangkan oleh Unit Komunikasi untuk makluman mesyuarat. | Makluman<br><br>Puan Siti Norul'Ain / Unit Komunikasi<br><br>Makluman |
| **D7** | **Unit Jaminan Kualiti**<br>Dr. Azizah melaporkan :<br><br>1. Dokumen untuk UiTM Kelantan telah pun dijumpai. CS240 Telah hubungi Dr Noraini untuk minta salinan. AC220, BM?? Saja yang dijumpai. Dan akan cari panel. | Makluman |
| **D9** | **Unit SKKO**<br>Dr. Nik Rosli membentangkan kertas kerja untuk kelulusan mesyuarat :<br><br>1. Cadangan Penganjuran Bengkel Pemurnian Penilaian Kecemerlangan Operasi pada 28 Januari 2019.<br><br>**Mesyuarat meluluskan permohonan untuk mengadakan bengkel tersebut dengan bajet sebanyak RM295.00 dan mohon kertas kerja tersebut dibuat pembetulan.**<br><br>2. Cadangan Penganjuran Kursus *Understanding Context and Risk Based Thinking* pada 28 Februari, 19 Jun dan 4 September 2019.<br><br>**Mesyuarat meluluskan permohonan untuk mengadakan bengkel tersebut dengan bajet sebanyak RM1,682.00.**<br><br>3. Cadangan Penganjuran Kursus Kecemerlangan Operasi | Unit SKKO |

| BIL. | PERKARA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | 2019 pada 7 Mac, 28 Mac dan 17 April 2019.<br><br>**Mesyuarat meluluskan permohonan untuk mengadakan bengkel tersebut dengan bajet sebanyak RM1,982.00 dan mohon kertas kerja tersebut dibuat pembetulan.** | |
| D9 | **Kelab Kebajikan**<br>Dr. Hayati melaporkan :<br><br>1. Program bacaan Yasin dan tazkirah telah diadakan di Auditorium PTAR2. Tazkirah telah disampaikan oleh Encik M.Tuah dan Encik Khaizir. Siri bacaan Yasin dan tazkirah telah dicadangkan untuk diteruskan pada Mac 2019. | Makluman / Kelab Kebajikan |
| | 2. Program USR 2019 akan diadakan di Pusat Perlindungan Safiyyah. Tinajaun awal akan diadakan pada 24 Januari 2019 bersama dengan Encik Mohd. Zairul dan Puan Nor Nazifah. | Kelab Kebajikan |
| | 3. Pihak ACIS telah bersetuju dengan tarikh baharu Program Cinta Ilmu (ProCIL) yang dicadangkan dan tarikh-tarikh tersebut telah dikemaskini di kalender InQKA. ProCIL yang pertama akan diadakan pada 20 Februari 2019. | Makluman |
| E | **Hal-hal Lain**<br>Tiada | |

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 5.50 petang.

Disediakan oleh:

..........................................

**Norlelawati Mohamad Adi**
Setiausaha

Tarikh : 27/2/2019

Disahkan oleh:

..........................................

**Prof. Dr. Roziah Mohd. Janor**
Pengerusi

Tarikh : 29/2/2019